

Innocence of Muslims: Salah siapa?

B/H 20/9/12 MS 35

Sekali lagi maruah Islam diperbudak Zionis dan kali ini menerusi filem bermutu rendah dengan dana RM15 juta daripada 100 hartawan Yahudi, *Innocence of Muslims*, diterbitkan bagi menghina Nabi Muhammad SAW dan Islam, secara terbuka.

Penghinaan kepada Junjungan Besar Nabi sebagai ganas, tidak bertamadun dan memperhambakan wanita sebagai objek seks seperti digambarkan dalam filem berkenaan, sebenarnya bukan perkara baru kerana serangan sama sering digunakan oleh musuh Islam sebelum ini.

Sudah ada beberapa novel dalam rentak sedemikian dan antaranya *The Satanic Verses* karya pengarang kelahiran India, Salman Rushdie pada 1988 dan perkara sama turut dilakukan pengarang wanita kelahiran Bangladesh, Taslima Nasreen, menerusi *Lajja*.

bangkan kepimpinan Afghanistan, Iraq, Tunisia, Libya dan Mesir berjalan lancar, manakala Syria menanti masa.

Umat Islam sering bercakaran sesama sendiri termasuk di negara ini, demi kepentingan politik mahupun agenda peribadi, sehingga terlalu mudah musuh menyeludup virus pembunuhan perpaduan yang memangsakan mereka dan musuh Islam bersorak gembira!

Sudah sampai masanya umat Islam seluruh dunia mengakui dan menginsafi kelemahan mereka manakala pemikir Islam mengatur gerak kerja mengatasi kemelut umat yang sudah suku terlaksana ketika ini melalui misi bantuan ke Palestin.

Usaha murni badan bukan kerajaan (NGO) seperti Mercy Malaysia, Aman Palestin, Yayasan Keamanan Global Perdana, Global Peace Mission (GPM) dan Persatuan Bulan

Sabit Merah Malaysia

Perbuatan kedua-dua pengarang beragama Islam itu membangkitkan kemarahan umat Islam seluruh dunia sehingga mengakibatkan pemimpin agung Iran, Ayatollah Khomeini, mengeluarkan fatwa bunuh pada 1989, memaksa mereka mencari perlindungan di Britain.

Kekecohan filem yang diterbitkan di California dan dipromosikan pejuang Kristian Mesir yang anti-Islam di Amerika itu, turut menyebabkan fatwa bunuh terhadap Rushdie diperbaharui dan nilainya ditambah dari \$2.8 juta (RM9.8 juta) kepada \$3.3 juta (RM11,5 juta).

Persoalan timbul di benak penulis dengan penghinaan terbaru ini, iaitu apakah cukup umat Islam di seluruh dunia menyuarakan protes dengan sekadar mengadakan tunjuk perasaan di Kedutaan Amerika di negara asing atau rusuhan?

Atau mengajak umat Islam seluruh dunia mengadakan solat hajat, berzikir dan membaca Yasin di semua masjid dan surau seperti diusahakan Institut Kerjasama Islam Antarabangsa Malaysia dan Majlis Gerakan Badan Bukan Kerajaan Islam Asean di Malaysia hari ini?

Ini lah kaedah yang diguna pakai umat Islam sejak sekian lama dalam menangani perbuatan durjana Zionis kepada rakyat Palestin bermula 1948 apabila mereka dinafikan hak di negara sendiri dan tidak menunjukkan tanda akan dapat diselesaikan dalam tempoh terdekat.

Pendekatan ini sudah lama terbukti tidak berkesan dan penghinaan oleh musuh Islam akan terus berulang dengan kerelaan umat Islam sehingga muslihat Zionis menum-

“*Sudah sampai masanya umat Islam seluruh dunia mengakui kelemahan mereka dan pemikir Islam mengatur gerak kerja mengatasi kemelut umat yang sudah suku terlaksana ketika ini melalui misi bantuan ke Palestin”*

Sabit Merah Malaysia (PBSMM) sudah membuktikan umat Islam mampu bersepakat sebenarnya.

Misi membantu Palestin khususnya berjaya membongkar kejahatan Israel sehingga membuka mata dan hati tokoh besar bukan Islam untuk sama-sama terbabit dalam membela nasib rakyat Palestin yang teraniaya sejak 64 tahun lalu.

Antara yang perlu diusahakan segera ialah gerak kerja pusat dalam kalangan NGO, negara Islam dan pemimpin mereka, mengatur strategi menangkis tipu muslihat Zionis atas dasar kebertanggungjawaban terhadap Allah SWT dan

umat Islam seluruh dunia.

Apa gunanya Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan negara Islam khususnya di Asia Barat yang diberikan kemewahan emas hitam sehingga 'Polis Dunia' sanggup menjadi penyangak dalam apa juga bentuk, demi kepentingan mereka!

Cukuplah umat Islam seluruh dunia diperbodohkan dengan peristiwa 11 September 2001 yang melewatkan kesalahan kepada umat Islam dan menjadikan Osama Ben Laden sebagai galang menghalalkan tindakan mereka melabelkan serta memomokkan umat Islam sebagai pengganas!

Sedarlah umat Islam bahawa bukan Islam seluruh dunia sebenarnya gentar selepas peristiwa 11 September 2001 dan karikatur menghina Nabi Muhammad SAW oleh pelukis Sweden pada 2010, apalagi melihat ramai bukan Islam memeluk agama itu dengan perangkaan 20,000 memeluk Islam di Russia setiap tahun!